

U 8004 AAB
MAHATHIR-DASAR 00000

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGHURAIKAN KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-30 UMNO TENTANG ASAS DASAR LUAR MALAYSIA, MENEGASKAN BAHAWA AMALAN SUJUD KEPADA SESIAPA KERANA TAKUT ATAU KERANA WANG BUKAN ADAT YANG HARUS DIKEKALKAN OLEH NEGARA INI.

KATANYA, ASAS DASAR LUAR MALAYSIA IALAH TIMBAL-BALAS.

+ JIKA KITA MENGHORMATI MEREKA, PIHAK MEREKA PULA HENDAKLAH MENGHORMATI KITA+, KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA, SIFAT MALAYSIA TIDAK BERMUSUH-MUSUHAN DENGAN SESIAPA, TIDAK BERMAKNA KALAU SESIAPA MELAKUKAN PERBUATAN KEJAM DAN YANG TIDAK ADIL, NEGARA INI HARUS BERDIAM DIRI.

SEBAB ITU, MALAYSIA MENGECEM TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT DAN UNITED KINGDOM TERHADAP LIBYA, KATANYA KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN SEBAGAI PRESIDEN UMNO PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG ITU DI SINI.-- LAGI

1117MST 24 04 87

U 8866 AAB
MAHATHIR-DASAR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG BENAR SEBAGAI NEGARA KECIL, MALAYSIA TIDAK MENGGONCANG DUNIA.

BAGAIMANAPUN NEGARA DAN BANGSA YANG BERMARUAH TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI KERANA PERBUATAN BURUK KUASA-KUASA BESAR.

BELIAU MENEGASKAN KEADILAN TIDAK BERERTI JIKA ADA PILIH KASIH ATAU TAKUT .

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA,+ KITA MENGHORMATI ADAT TETAPI BUKAN SEMUA ADAT PERLU DIKEKALKAN+.

BELIAU MERUJUK KEPADA SEJARAH NEGERI-NEGERI MELAYU YANG MENGHANTAR BUNGA EMAS KE NEGARA-NEGARA LEBIH KUAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK HARUS SOMBONG DAN HARUS BERLELEH DAN TOLEHAN.

MALAYSIA, KATANYA, BAGAIMANAPUN DURAN NEGARA PELANGGAN ATAU POLYENT STATE KEPADA SESIAPA.-- LAGI

1125MST 24 04 87

U 8869 AAB
MAHATHIR-DASAR 3 KUALA LUMPUR

INTI HURAIAN PERDANA MENTERI MENGENAI DASAR LUAR MALAYSIA YERMASUK:

- + MENGECEM SOVIET RUSSIA KERANA MENAKLUKI AFGHANISTAN=
- + SECARA TERBUKA MENYOKONG MUJAHIDEEN AFGHAN SERTA MEMBERI TEMPAT DAN BANTUAN KEPADA PERWAKILAN MEREKA DI NEGARA INI=
- + MENYOKONG PLO SEBAGAI WAKIL TUNGGAL RAKYAT PALESTIN= DAN
- + MENGUTUK BEKERAS-KERASNYA REJIM AFRIKA SELATAN YANG MENGAMALKAN APARTEID DAN SEBALIKNYA MENYOKONG PEMERINTAHAN MEJORITI KULIT HITAM DI NEGARA ITU.

MENGENAI PERANG IRAN-IRAQ, MALAYSIA BUKAN SAHAJA BERKECUALI BAHKAN BERUSAHA MENDAMAIKAN KEDUA-DUA NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MENGANGGAP PEPERANGAN ITU SEBAGAI PEMBAZIRAN DAN HANYA MENGUNTINGKAN ISRAEL DAN PENYOKONG-PENYOKONGNYA.-- BERNAMA

1136MST 24 04 87